

KENAL-KENAL

Siswi NUS luas niaga seni inai di Perancis sambil jadi 'intern'

► DAYANA AZMI
dynazmi@sph.com.sg

Sekitar 300 tempahan menghasilkan seni inai diterima mahasiswi jurusan seni bina Universiti Nasional Singapura (NUS), Cik Azzah Atifah Mohd Ramezan, sejak memulakan perniagaan jenama, Hennaflair pada 2020.

Namun, sejak Julai, beliau mengambil keputusan berhenti menerima tempahan di Singapura kerana sedang menjalani program pertukaran pelajar di bawah Kolej Luar Negara NUS (NOC) selama enam bulan di Universiti Paris Sciences et Lettres, di Paris, Perancis, sambil menjalani latihan amali, atau 'internship', di Kovalée, sebuah syarikat penerbit aplikasi mudah alih.

Namun, ini tidak semestinya merugikan beliau. Sebab, walaupun berada jauh dari Singapura, tekadnya untuk menembusi pasaran seni inai dalam masyarakat Perancis tetap tidak berbelah bahagi.

Semasa ditemui *Berita Harian*, Cik Azzah, 23 tahun, berkata dengan penuh semangat:

"Ini adalah peluang keemasan memperluas pengaruh seni inai ke peringkat antarabangsa dan meneroka sesuatu yang baru. Saya ingin keluar dari zon selesa dan mengembangkan keupayaan saya sebagai seorang usahawan."

Bekas pelajar Politeknik Singapura (SP) itu telah membawa pelbagai jenis produk inai serta barangan seperti minyak pati, serbuk inai, dan beg paip dari Singapura sebelum berangkat ke Perancis.

Selain itu, beliau cuba merebut setiap kesempatan menyebarkan pengetahuan tentang seni dan manfaat kesihatan inai, sama ada sewaktu sesi menjalin rangkaian yang diadakan di universiti dan syarikatnya di Perancis, mahupun dalam perbualan harian dengan orang di sekelilingnya.



BERNIAGA DI PARIS: Cik Azzah Atifah Mohd Ramezan, 23 tahun (kiri), pemilik perniagaan seni inai, Hennaflair berpeluang membuka reruai di kawasan pentadbiran kota, 16th Arrondissement Paris, di Perancis pada 7 Oktober, sebagai sebahagian acara Bazar Malaysia anjuran Kedutaan Malaysia. – Foto SUE ABAS

Namun, bahasa yang berbeza menjadi hambatan untuk berkomunikasi dengan pelanggan-pelanggan.

Walaupun beliau mempelajari asas bahasa Perancis dan menggunakan aplikasi penterjemahan, *Google Translate*, terdapat beberapa perkataan unik yang tidak boleh diterjemah dengan tepat.

Pada awalnya, beliau pernah ditolak apabila cuba menghubungi 50 artis seni inai tempatan melalui Instagram untuk bekerjasama.

Kerja kerasnya akhirnya membuahkan hasil pada 20 September ketika Cik Azzah menerima tempahan inai untuk sebuah majlis perkahwinan pertamanya daripada seorang pelanggan Perancis berketurunan Comoros, Afrika Timur.

"Saya sangat bersyukur kerana mempunyai rakan serumah dari Perancis yang membantu menterjemahkan perbincangan saya dengan pe-

langgan tentang pelbagai perkara seperti reka bentuk dan jenis inai yang diinginkan oleh pelanggan.

"Peluang ini amat berharga bagi saya kerana saya merindukan kekecohan yang biasa dialami ketika menerima tempahan inai di Singapura," katanya dengan besar hati.

Nasib menyebelainya kerana beliau berkesempatan menemui warga Malaysia dalam sebuah bazar makanan antarabangsa di Perancis pada 7 September.

"Awalnya, saya hanya ingin membeli teh tarik dari gerai Melayu tersebut, tetapi setelah mendengar irama muzik Melayu, saya tergerak untuk menari zepin sebagai seorang yang aktif dalam kumpulan tarian Melayu di Singapura," ujar bekas penari kumpulan Dian Dancers itu.

Langkah spontan itu telah membantu beliau menjalin hubungan dengan pemilik gerai terse-

PELANGGAN PERTAMA: Cik Azzah Atifah Mohd Ramezan (kanan) bersama pelanggan Perancis pertamanya yang berketurunan Comoros, Afrika Timur. – Foto ihsan AZZAH ATIFAH MOHD RAMEZAN



but, yang rupanya seorang diplomat Malaysia.

Hubungan itu telah membuka pintu kepada peluang perniagaan untuk membuka gerai inai pada 7 Oktober, sebagai sebahagian daripada acara Bazar Malaysia anjuran Kedutaan Malaysia.

Cik Azzah juga mengakui bahawa menjalankan perniagaan sambil melanjutkan pelajaran dan latihan amali pada masa yang sama bukanlah perkara mudah. Justeru, menjadi usahawan memberinya fleksibiliti menetapkan jadual sendiri serta memberi keutamaan kepada tugas sekolah jika diperlukan.

Selain itu, beliau turut menekankan penting-

nya sokongan utama yang diterima daripada orang tuanya, Encik Mohd Ramezan Junus, 59 tahun, seorang kakitangan awam, serta ibunya, Cik Azizi A Aziz, suri rumah berusia 55 tahun.

"Alhamdulillah, walaupun biasanya saya menggunakan (hasil daripada) pendapatan perniagaan, ibu bapa masih membantu dengan yuran sekolah dan keperluan asas supaya saya tidak perlu terlalu bimbang tentang aspek kewangan.

"Apabila saya gagal mendapatkan pelanggan dan kerjasama artis seni inai di Perancis, saya berasa kecewa dan hilang motivasi. Namun, ibu bapa saya sentiasa berhubung melalui telefon dan memberikan saya semangat," ujar Cik Azzah.

